

PROGRAM

Oleh: Azilawati Suanda




Menteri Mentor Di Program Jalan Kaki Lasak 2010 & Program Wacana Sosial - 1Malaysia Bersama Setiausaha Politik Perdana Menteri Malaysia

PILLARS:

Program Jalan Kaki Lasak yang telah dianjurkan pada 28 Februari 2010 yang lalu telah mendapat sambutan yang amat baik daripada lebih 2000 orang pelajar. Program ini merupakan program yang wajib disertai oleh semua pelajar Tahun 1. Pada tahun ini, pelajar dikehendaki berjalan sejauh 10 km yang bermula daripada Kolej Kediaman Tun Aishah Ghani, Wang Ulu dan berakhir di Stadium Utama, Kangar. Program tahunan anjuran Kolej Kediaman dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni ini telah menarik minat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang juga Menteri Mentor UniMAP, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili untuk menyempurnakan upacara pelepasan pada hari tersebut. Beliau amat berbesar hati dan menyokong semangat muda warga UniMAP yang bukan sahaja aktif di dalam bidang penyelidikan dan inovasi malah tidak melupakan cara hidup sihat dikalangan warga kampus.

Y. Bhg. Dato' Naib Canselor juga telah memberi suntikan semangat sebelum pelajar-pelajar memulakan perjalanan. Beliau merasa amat bangga dengan semangat dan kemampuan warga muda UniMAP dalam merealisasikan budaya hidup sihat yang kerap kali dilayangkan oleh beliau. Pada acara penutup program ini, satu pelancaran



Kempen Alam Sekitar anjuran Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP telah diadakan dan disempurnakan oleh Pengarah Pusat Sukan, En. Afizal Abu Othman.

Pada 21 Mac 2010 yang lalu, telah berlangsung Program Wacana Sosial - 1Malaysia di Dewan 2020 Kangar. Program anjuran Pusat Kejuruteraan Komputer & Perhubungan dengan kerjasama Unit Kajian Strategik ini telah mendapat sambutan dan sokongan yang luar biasa di mana kehadiran lebih daripada 1500 orang pelajar yang memenuhi ruang Dewan 2020 tersebut. Panel jemputan adalah Y.Bhg. Dato' Haji Shahlan Bin Ismail, Setiausaha Politik kepada Y.A.B Perdana Menteri Malaysia.

Topik yang dibincangkan telah menarik minat pelajar UniMAP dan mereka telah menunjukkan satu sifat ingin tahu yang

mendalam dengan mengajukan pelbagai soalan kepada ahli panel jemputan. Program ini telah berjaya memberi input yang sangat baik kepada seluruh warga UniMAP bukan sahaja di kalangan pelajar malah tenaga akademik dan juga semua staf yang hadir. Ini telah membuktikan bahawa warga UniMAP amat menyokong konsep 1Malaysia yang telah diperkenalkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kepada kita dalam membina sebuah negara yang lebih maju, selamat, aman dan makmur serta mampu bersaing dengan masyarakat lain di dunia.

Program ini telah berakhir dengan perjumpaan secara tidak rasmi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK) dan alumni UniMAP bersama Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri.